

PKS tulang belakang

u-m 16/07/07 M/S 24

ekonomi negara

U.M. 16/07/07 M/S 21

Pihak PKS memerlukan penyelesaian lebih baik yang menepati sumber terhad mereka, tetapi mereka perlu memilih antara mengambil pekerja baru, atau melabur dalam teknologi baru

EKONOMI Malaysia menyaksikan penyertaan besar Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Sektor ini mempunyai tenaga kerja seramai 5.6 juta orang, menyumbang sebanyak 32 peratus produk domestik kasar dan - walaupun menghadapi pelbagai cabaran - dianggap sebagai tulang belakang pembangunan ekonomi kekal di Malaysia.

Kerajaan Persekutuan perlu diberi pujian bagi perkembangan pesat dalam pembangunan PKS baru baru ini. Arah tuju yang sihat dalam memajukan kepentingan PKS telah membawa kepada polisi-polisi yang lebih fokus bertujuan mempromosikan sektor yang sihat serta dinamik di Malaysia.

Semua sekali terdapat 12 buah Kementerian dan 40 buah agensi kerajaan terlibat sepenuhnya dalam pembangunan PKS.

Polisi-polisi jelas bagi memecut pertumbuhan PKS telah dirancang melalui pelbagai strategi yang digariskan dalam Rancangan Induk Industri Kedua, Rancangan Garis Panduan Perspektif Ketiga, Rancangan Malaysia Kelapan dan baru-baru ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sebagai contoh, pada tahun ini, kerajaan akan menjalankan sejumlah 190 program utama, melibatkan komitmen kewangan sebanyak RM3.7 billion untuk membantu pihak PKS membina daya saing serta kebolehan.

Namun, yang penting sekali bagi pihak PKS sendiri adalah dengan adanya polisi-polisi ini, dua faktor pertumbuhan yang paling penting - akses kepada teknologi dan dana bagi pembelian - kini mudah diperolehi.

Pihak PKS sering dikaitkan dengan keperluan teknologi tercanggih serta tahap perbelanjaan yang rendah; dengan kekurangan dana untuk membeli teknologi sebagai sebab

utama kebimbangan mereka.

Bagaimanapun, ini semua akan berubah apabila dana menjadi lebih mudah untuk diperolehi dan PKS mula sedar akan kesan positif yang dibawa oleh teknologi kepada hasil perniagaan. AMIPartners melaporkan bahawa pihak PKS telah melabur sebanyak RM4.5 juta pada tahun 2004 dan menjangkakan bahawa jumlah ini akan meningkat pada kadar kompaun tahunan lapan peratus menjelang tahun 2010.

Usaha-usaha kerajaan menunjukkan hasil. Tiga contoh polisi-polisi terbaru kerajaan bagi meningkatkan penerimaan IT: pertama, kerajaan menyarankan peningkatan jalur lebar sekarang kepada 15 peratus penduduk menjelang tahun 2010.

Kedua, pihak PKS layak menerima elaun permulaan sebanyak 20 peratus dan elaun tahunan sebanyak 40 peratus bagi perbelanjaan pembelian komputer serta aset-aset teknologi maklumat, termasuk perisian. Oleh itu, perbelanjaan itu boleh ditebus semula dalam masa dua tahun.

Ketiga, Syarikat Pembangunan Teknologi Malaysia telah memperuntukkan dana dibawa Dana Pembelian Teknologi bagi memudahkan pembelian teknologi yang strategik dan relevan yang dapat meningkatkan tahap daya saing syarikat-syarikat Malaysia bagi bertanding secara global.

Andrew Wong, KPE Pusat Sumber MCA-ICT berkata "untuk PKS mencapai potensi mereka sepenuhnya, adalah amat penting bagi mereka meningkatkan usaha menggunakan teknologi

- bukan sahaja untuk terus wujud, tapi juga untuk menginovasi serta memacu hasil perniagaan yang positif.

"Kerajaan serta agensi-agensi seperti MIRC sedang bekerjasama dengan pihak swasta untuk merendahkan halangan pembiayaan tradisional dan membolehkan penerimaan IT sebagai suatu pilihan yang realistik bagi semua PKS di Malaysia tanpa mengira bajet mereka."

Gandingan Sektor Awam-Swasta

Bagaimanapun, sesetengah PKS masih tidak yakin sepenuhnya bahawa perbelanjaan pada teknologi akan membawa perubahan positif. Ramai masih percaya bahawa IT adalah terlampau "mahal", memandangnya sebagai kos, dan bukan sebagai satu pelaburan.

Melalui perbualan dengan rakan-kongsi dan pihak perniagaan, kami sedar yang pihak PKS mempunyai cabaran yang besar tapi tidak dengan bajet yang sama dengan rakan mereka di dalam organisasi bersaiz besar.

Pihak PKS memerlukan penyelesaian lebih baik yang menepati sumber terhad mereka, tetapi mereka perlu memilih antara mengambil pekerja baru atau melabur dalam teknologi baru. Sektor perbankan masih menjadi sumber asas bagi pembiayaan pihak PKS.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan pada awal tahun ini bahawa sektor perbankan menjangka akan

meluluskan pinjaman sebanyak RM51 billion kepada 110,000 PKS dalam tahun 2007.

Berapa daripada jumlah ini akan digunakan untuk pembelian serta naik-taraf IT masih perlu dilihat. Sektor swasta juga sedang meningkatkan usaha untuk memberi pembiayaan serta sokongan kepada PKS yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi menaiktaraf infrastruktur IT mereka. Sebagai contoh, baru-baru ini Microsoft, Bank RHB dan HP telah melancarkan program Microsoft Smartpay yang memberi PKS Malaysia pilihan yang kos efektif serta berpatutan untuk membeli IT pada RM188 sebulan.

Seiring dengan keperluan perniagaan, namun, ia bukan sahaja tentang keupayaan membeli teknologi baru; ia perlulah teknologi yang betul. Teknologi perlu: 1) biasa dan mudah digunakan; 2) penggunaan serta sokongan meluas; 3) mudah untuk diintegrasikan serta disambung; dan 4) inovatif serta sentiasa berubah untuk menepati keperluan pelanggan.

Salah satu daripada isu teras bagi PKS, dengan adanya banyak teknologi di persekitaran, adalah memilih produk atau perkhidmatan bersesuaian yang memberi kesan perniagaan sebenar serta membantu pertumbuhan perniagaan bagi jangka masa sederhana dan panjang.

Penemuan baru teknologi adalah bagus dan baik tetapi sekiranya PKS tidak mempunyai kemahiran dalam-mula untuk menggunakan sistem

atau cara untuk melabur bagi tujuan itu, kesannya hanya sedikit sahaja.

Apapun penyelesaian perniagaan yang dicari oleh organisasi-organisasi, adalah penting untuk menilai pilihan berdasarkan strategi dan keperluan perniagaan masa panjang. Pihak PKS perlu mengambil kira kewangan, perhubungan-pelanggan dan peralatan pengurusan rantaian bekalan yang membantu organisasi mengautomasi proses, membuat keputusan yang menguntungkan dan mempercepatkan pertumbuhan.

Laporan terbaru oleh Pertubuhan Teknologi Maklumat dan Inovatif menyatakan bahawa di China, penggunaan IT bertanggungjawab bagi 38 peratus peningkatan untuk keseluruhan faktor pertumbuhan produktiviti serta 21 peratus pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar.

Contoh baik bagaimana ini menguntungkan PKS boleh dilihat di Munchy Food Industries Sdn. Bhd., salah satu pengeluar utama konfeksi berkualiti Malaysia, yang telah melaksanakan penyelesaian Rancangan Sumber Perusahaan baru pada bulan September 2005. Mulai daripada itu, Munchy telah melihat peningkatan dramatik sebanyak 50 peratus bagi produktiviti perniagaan.

Pengarah Urusannya, CK Tam berkata, "Kami membelanjakan dua peratus dari pendapatan tahunan kami untuk menaiktaraf infrastruktur teknologi kami. Kami memahami kepentingan menggunakan IT untuk memperbaiki kecekapan operasi, membuat keputusan serta komunikasi dengan

para pelanggan dan rakan kongsi.

"Platform Microsoft Dynamics yang kami gunakan sekarang membolehkan kami membuat keputusan lebih baik dan cepat sambil terus mengembangkan perniagaan kami. Ia membantu kami menguruskan kemudahan perkilangan seluas 240, 000 kaki-persegi, menghantar produk kami kepada 15,000 cawangan makanan dan runcit seluruh negara serta mengembangkan perniagaan kepada 50 buah negara dan kawasan."

Pihak PKS seperti Munchy berharap kepada kualiti produk dan perkhidmatan untuk sentiasa berada di hadapan pesaing; terutamanya apabila globalisasi meletakkan mereka di atas pentas yang sama dengan perniagaan bersaiz besar serta organisasi global. Namun keadaan lebih baik sekarang berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Pasaran hari ini mempunyai sumber yang mencukupi, pilihan kewangan serta teknologi pada harga yang mampu untuk membantu PKS dalam menentang perniagaan mereka. Dengan memperbaiki kebolehan teknologi mereka, pihak PKS boleh menjadi lebih produktif dan cekap, lantas membantu mereka menjadi lebih kompetitif serta meningkatkan sumbangan mereka kepada ekonomi Malaysia.

■ LOW SIN YIP ialah Pengurus Besar, Bahagian Perniagaan Penyelesaian dan Rakangkongsi Pasaran Kecil dan Sederhana di Microsoft (Malaysia) Sdn. Bhd